

FAKTOR YANG MENDORONG KEJAYAAN USAHAWAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) MARA DI DAERAH MELAKA TENGAH

¹Nurulhayah Muhamad, ²Muhammad Hafizuddin Abu

¹Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, Kolej Universiti Islam Melaka.

²Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan), Kolej Universiti Islam Melaka.

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong kejayaan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) MARA di daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka. Faktor-faktor pendorong kejayaan yang dikaji adalah faktor Pengetahuan, Sikap, Motivasi Diri dan Modal. Seramai 103 orang responden yang terdiri daripada usahawan PKS MARA di daerah Melaka Tengah telah menjawab borang soal selidik yang disediakan. Data – data yang diperolehi daripada responden dianalisis menggunakan kaedah korelasi Pearson dan regrasi dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian mendapati jenis perniagaan yang banyak dijalankan oleh usahawan PKS MARA di daerah Melaka Tengah adalah sektor makanan dan minuman. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor sikap seseorang usahawan itu merupakan faktor yang paling mendorong kejayaan usahawan dalam menjalankan PKS. Kesimpulannya, sikap usahawan yang sukakan cabaran, berdikari dan sentiasa bersedia dalam menghadapi masalah dalam perniagaan sangat menyumbang terhadap kejayaan PKS di daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka.

Kata Kunci: *Pengetahuan, Sikap, Motivasi Diri, Modal, Kejayaan Usahawan*

ENTREPRENEURIAL SUCCESS FACTORS THAT ENCOURAGE SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (SMES) IN THE DISTRICT OF MARA

Abstract

This study aim is to examine the factors that drive the success of MARA Small and Medium Enterprises (SMEs) entrepreneurs in Melaka Tengah, Malacca. The driving success factors studied are Knowledge, Attitude, Self-Motivation and Capital. A total of 103 respondents from MARA SMEs entrepreneurs in the district of Melaka Tengah had answered the questionnaire provided. The data obtained from the respondents were analysed by the method of Pearson correlation and regression using SPSS software. The findings indicate that types of businesses mostly run by MARA SMEs entrepreneurs in Melaka Tengah is food and beverage sector. The findings also showed that the attitude of an entrepreneur is the most important factor driving entrepreneurial success in running SMEs. As a conclusion, the adventurous attitude, independent and always ready to deal with business problems is highly contributed to the success of SMEs entrepreneurs in Melaka Tengah, Malacca.

Keywords: *Knowledge, Attitude, Self-Motivation, Capital, Entrepreneurs Success.*

PENGENALAN

PKS ataupun dikenali sebagai Perusahaan Kecil Sederhana merupakan satu perusahaan yang membantu masyarakat dan negara dalam sektor ekonomi. Antara sektor-sektor yang dikatakan terdapat dalam PKS ini adalah sektor pembuatan, pertanian, pembinaan dan lain-lain industri namun berbentuk sederhana mahupun kecil.

PKS mempunyai pelbagai definisi mengikut peranan, fungsi dan organisasi yang berkaitan. Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang ke-14 pada Oktober 2013 (SME Corp. Malaysia, 2014) telah memberikan definisi baharu untuk PKS yang diguna pakai bermula 1 Januari 2014 seperti berikut, bagi sektor pembuatan, jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang dan manakala bagi sektor perkhidmatan dan lain sektor merujuk kepada jualan tahunan yang tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

Kerajaan banyak membantu usahawan dari segi bantuan kewangan dan hal ini sedikit sebanyak mendorong kepada pertumbuhan PKS itu sendiri, kerana usahawan memerlukan sejumlah modal yang agak besar untuk melakukan sesuatu perniagaan. Menurut Yahya (2014), terdapat beberapa agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan usahawan dan bakal-bakal usahawan bumiputera di Malaysia iaitu Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, SME Bank, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Rakyat, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs).

Mengapa PKS? Dikatakan disini, PKS memberikan implikasi yang tinggi kepada masyarakat mahupun negara, hal ini dibuktikan melalui dapatan data KDNK yang saban tahun meningkat ekoran pertumbuhan PKS di negara ini. Perkembangan tersebut meningkat pada kadar purata tahunan 6.8% berbanding 4.9% bagi keseluruhan ekonomi dalam tempoh 2004-2010 (Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2012). Kerajaan berharap PKS akan menjadi penyumbang penting dalam pertumbuhan negara. Disasarkan PKS mencapai sumbangan melebihi 40% daripada KDNK, 62% daripada guna tenaga dan 25% daripada jumlah eksport. (Dato Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, 2012).

Malaysia antara negara yang mengamalkan PKS dan beberapa sektor telah diusahakan dibawah perusahaan ini. Sebagai contoh peruncitan, pembinaan, pertanian dan sebagainya. Negeri Melaka turut menjadi salah sebuah negeri yang melibatkan diri dalam PKS. Antara kawasan ataupun daerah yang mempunyai PKS ini adalah di kawasan Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin, Menurut Rohaya (2007), daerah Jasin dan Alor Gajah merupakan kawasan perniagaan yang tidak berpusat dan lokasi keusahawanan sepenuhnya berpusat di daerah Melaka Tengah.

Bagi mengimbangi hal ini, Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa Negeri Melaka telah merangka strategi untuk menyeimbangkan pembangunan yang berpusat di daerah Alor Gajah dan Jasin agar pembangunan tidak terus tertumpu di daerah Melaka Tengah (Ringkasan Draf Rancangan Struktur Negeri Melaka 2000-2020 t.t: 4).

Fokus yang diutamakan dalam kajian ini adalah usahawan MARA negeri Melaka di daerah Melaka Tengah. Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan satu agensi yang membantu dalam peningkatan taraf ekonomi dan pendidikan bagi golongan bumiputera. Majlis Amanah Rakyat (MARA), merupakan satu agensi di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah yang bertindak untuk

membantu golongan Bumiputera dalam menaiktaraf tahap ekonomi dan pendidikan mereka. Ditubuhkan pada 1 Mac 1966, di bawah undang undang MARA yang menggantikan Undang Undang Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA). MARA dalam konteks keusahawanan lebih banyak membantu dari segi kewangan (modal), bimbingan nasihat dan latihan keusahawanan. Antara latihan yang diberikan adalah seperti Latihan Pembentukan Usahawan(LPU) yang melatih usahawan bumiputera yang baru memasuki sektor keusahawanan.

Melalui MARA, usahawan bumiputera mempunyai pelbagai kemudahan dan faedah seperti bantuan kewangan dan premis sewaan. Di samping itu data usahawan PKS daripada MARA menunjukkan bahawa Melaka Tengah merupakan satu daerah yang mengamalkan PKS dalam sumber pendapatan mereka. Usahawan PKS di daerah Melaka Tengah mempunyai sebuah pusat yang dinamakan sebagai unit PUSMA dan unit ini menjadi tempat bagi para usahawan menerima sebarang info atau maklumat yang berkaitan dengan sektor keusahawanan. PUSMA merupakan satu pusat kegiatan yang membantu usahawan dari segi bimbingan nasihat dan tunjuk ajar, disamping sebuah pusat untuk mendapatkan info baharu seperti latihan dan kursus keusahawanan, seperti Latihan Pembentukan Usahawan (LPU).

PENYATAAN MASALAH

Walaupun dikatakan usahawan PKS ini memberi sumbangan yang positif kepada negara, tidak kurang juga usahawan PKS yang tidak mencapai sasaran dan ada juga yang berdepan dengan kegagalan. Perkara ini dilihat kesannya pada KDNK, yang hanya menunjukkan nilai sebanyak 32% dan nilai peratus eksport hanya 19% (BNM,2006). Bahkan terdapat 79,310 firma kecil tidak dapat meneruskan perniagaan pada tahun 2002, dan angka ini kian meningkat (Che Rose, Kumar dan Yen, 2006).

Walaupun PKS dilihat mampu mendatangkan impak yang positif, ianya masih belum mampu untuk bersaing di peringkat global (Mohd Nasir,2006). PKS itu sendiri dilihat mempunyai beberapa jenis kekurangan seperti prasarana, operasi, pengurusan dan sebagainya. Meskipun kerajaan berbelanja berbilion ringgit untuk menyokong PKS melalui berbagai insentif, namun kadar kegagalannya masih tinggi (Ahmad, 2007).

Jika dilihat masalah ini dari sudut usahawan PKS itu sendiri, dapat diunjurkan bahawa faktor yang mendorong kepada seseorang usahawan itu gagal dalam meneruskan perniagaan mereka adalah atas faktor kurangnya pengetahuan asasmereka dalam bidang keusahawanan. Terdapat segelintir usahawan yang menceburi bidang ini tanpa ilmu pengetahuan, kemahiran dan latihan yang mencukupi dan menyusun strategi dan menguruskan perniagaan.

Disamping itu juga, berlakunya kegagalan segelintir usahawan PKS dalam meneruskan perniagaan mereka adalah kerana sikap mereka yang kurang berdikari dan tidak mampu mengatasi cabaran dalam bidang keusahawanan ini. Secara umum, golongan usahawan sedia maklum bahawa dalam bidang perniagaan terdapat banyak cabaran dan masalah yang harus diselesaikan terutamanya di awal-awal tempoh mulanya berniaga. Namun, atas sikap usahawan yang tidak mampu menyelesaikan masalah dan tidak sanggup menghadapi risiko membuatkan perniagaan mereka terhenti separuh jalan.

Oleh yang demikian, masalah-masalah yang diperhatikan ini dikaji dalam mencari faktor yang menyumbang kepada usahawan dalam memantapkan perniagaan yang diceburi oleh mereka apabila berhadapan dengan isu-isu yang dinyatakan dan bagaimana faktor ini boleh menangani isu yang berlaku.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti jenis PKS utama yang dijalankan di daerah Melaka Tengah.
2. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan PKS MARA di daerah Melaka Tengah.

KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mendorong kepada kemantapan PKS. Terdapat empat elemen faktor yang diuji dalam kajian ini, antaranya ialah pengetahuan yang dimiliki, sikap usahawan itu sendiri, motivasi diri untuk berjaya dan modal yang digunakan oleh usahawan.

Faktor yang dikaji dikatakan mendorong kepada sesebuah PKS itu menjadi mantap dan berjaya. Justeru itu, mengenai faktor pengetahuan yang dimiliki oleh usahawan yang dikaji oleh Azmi et al. (2012), pengkaji berpendapat bahawa kejayaan sesebuah PKS itu bermula


dengan ilmu pengetahuan, iaitu pembelajaran ataupun kemahiran yang dimiliki secara formal ataupun tidak formal. Pengetahuan serta kemahiran yang dinyatakan adalah seperti kemahiran merancang, kemahiran mengurus organisasi serta pengalaman lampau berkenaan perniagaan yang diceburi.

Sikap yang ada pada usahawan itu juga memainkan peranan yang penting di dalam kejayaan sesebuah PKS. Sikap yang positif akan menjamin kepada gerak kerja yang mantap serta mendorong kepada kepercayaan individu lain semasa berurusan. Menurut Buerah binti Tunggak & Hussin bin Salamon, (2014), berpendapat bahawa faktor sikap usahawan itu sendiri sedikit sebanyak akan mendorong kepada kejayaan PKS. Sikap tersebut berkaitan dengan lokus dalaman ataupun ciri ciri personaliti yang ada dalam usahawan itu sendiri. Lokus dalaman yang dikatakan membawa maksud, usahawan sendiri mengawal segala tindak tanduk yang dilakukan oleh mereka, bukan atas faktor mendorong yang lain.

Motivasi diri amat diperlukan bagi setiap individu dan juga bagi usahawan kerana motivasi diri yang tinggi akan meningkatkan semangat dalam diri usahawan untuk terus memajukan perniagaan yang dijalankan. Bagi faktor ketiga, Banham (2010) memetik pandangan Miller dan Toulouse, (1986) menyatakan bahawa motivasi usahawan merupakan penentu utama untuk melibatkan dengan amalan pengurusan strategik dalam PKS. Hal ini lebih kepada amalan dan tingkahlaku usahawan tersebut dalam pengurusan di dalam PKS.

Faktor yang keempat menerangkan berkenaan modal yang digunakan dalam PKS tersebut mendorong kepada kemantapan sesebuah PKS seperti yang dikaji dan dinyatakan oleh Mohd Nor Hidayad Hambali (2011). Faktor ini menyentuh berkenaan kewangan serta bantuan kerajaan yang disalurkan kepada mereka. Disamping bantuan oleh kerajaan, Mohd Nor Hidayad Hambali (2011) juga menyentuh berkenaan agensi lain yang terlibat seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Oleh itu, berdasarkan rujukan sumber dan kajian lepas yang diperolehi, pengkaji telah memilih kerangka konsep kajian yang telah digabungkan daripada beberapa pengkaji lepas sebagai rujukan utama kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Sumber : Abdull Suki bin Hamat (2015), Banham (2010), Azmi Abdul Manat, Nik Hairi Omar, Lee Kuan Yee (2012), Buerah binti Tunggak & Hussin bin Salamon (2014) dan Mohd Nor Hidayad Hambali (2011)

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis 1: Pengetahuan

H₀ : Pengetahuan bukan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

H₁: Pengetahuan merupakan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

Hipotesis 2: Sikap

H₀: Sikap bukan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

H₁: Sikap merupakan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

Hipotesis 3: Motivasi diri

H₀: Motivasi diri bukan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

H₁: Motivasi diri merupakan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

Hipotesis 4: Modal

H₀: Modal bukan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS

H₁: Modal merupakan faktor yang mendorong kepada kejayaan usahawan PKS.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kuantitatif dan data kajian dikumpulkan dengan borang soal selidik. Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik yang menggunakan skala Likert dengan skala 5, iaitu:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Agak setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Data akan dianalisis dengan kaedah Korelasi Pearson dan Regresi dengan menggunakan perisian SPSS.

KAJIAN RINTIS

Satu kajian rintis dilakukan sebelum kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis bertujuan untuk menguji tahap kebolehpercayaan dan kesahan sesebuah soal selidik yang akan dijalankan pada kajian sebenar. Responden akan diambil secara rawak bagi kajian rintis.

Jadual 1.1: Statistik Kebolehpercayaan

<i>Cronbach's Alpha</i>	<i>Cronbach Alpha</i> berdasarkan itemstandard	Bilangan Item
0.628	0.644	18

Melalui kajian rintis yang dijalankan, keputusan diambil dan diuji menggunakan ketekalan dalaman Cronbach Alpha (α) yang bernilai antara 0.6 hingga 0.7. Menurut Kaplan dan Saccuzzo (2001), nilai α pada 0.6 hingga 0.7 adalah pada tahap sederhana dan soal selidik ini sesuai untuk digunakan dalam kajian.

PERSAMPELAN

Pengkaji memilih daerah Melaka Tengah di Melaka sebagai kawasan kajian dan menentukan jumlah populasi usahawan yang menjalankan PKS di kawasan tersebut. Populasi kajian terdiri daripada 144 orang usahawan MARA negeri Melaka, dipilih melalui dapatan data MARA negeri Melaka yang merangkumi pelbagai sektor perusahaan yang dijalankan. 144 orang usahawan ini menjalankan perusahaan di daerah Melaka Tengah, Melaka.

Dalam kajian ini, responden dipilih secara persampelan bertujuan dan penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Merujuk kepada jadual itu, bagi populasi yang terdiri daripada 144 orang usahawan, jumlah yang boleh dijadikan sampel adalah seramai 103 orang.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa jenis perniagaan yang banyak dijalankan oleh usahawan PKS MARA di daerah Melaka Tengah adalah perniagaan Makanan dan Minuman iaitu seramai 39 orang atau 37.9 peratus. Seterusnya adalah usahawan yang menjalankan perniagaan kedai buku iaitu sebanyak 27.2 peratus, perniagaan kain dan pakaian iaitu seramai 15 orang dan perniagaan produk kecantikan seramai 11 orang. Antara jenis perniagaan lain yang dijalankan adalah seperti kedai runcit, ubatan tradisional dan perhiasan bunga.

Jadual 1.2 Taburan Responden mengikut Jenis Perniagaan

Jenis Perniagaan	Bilangan responden	Peratusan (%)
Makanan dan Minuman	39	37.9
Kain dan Pakaian	15	14.6
Kedai Runcit	6	5.8
Kecantikan	11	10.7
Kedai Buku	28	27.2
Ubatan Tradisional	2	1.9
Perhiasan dan Bunga	2	1.9
Jumlah	103	100

KORELASI

Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara faktor Pengetahuan, Sikap, Motivasi Diri dan Modal dengan kejayaan usahawan PKS. Dalam jadual 1.3 di atas pengkaji dapat menyatakan bahawa terdapat 2 faktor yang mempunyai hubungan dengan kejayaan usahawan PKS di daerah Melaka Tengah iaitu faktor Pengetahuan dan Sikap. Faktor Sikap dan Pengetahuan mempunyai hubungan yang sederhana dengan kejayaan usahawan PKS.

Jadual 1.3 : Korelasi

		Pengetahuan	Sikap	Motivasi	Modal	Kejayaan
Pengetahuan	Pearson Correlation	1				
Sikap	Pearson Correlation	0.506**	1			
Motivasi	Pearson Correlation	0.205*	-0.061	1		
Modal	Pearson Correlation	0.034	-0.151	0.324**	1	
Kejayaan	Pearson Correlation	0.287**	0.451**	0.104	-0.118	1

** . Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

REGRASI

Seterusnya, kaedah Regrasi digunakan untuk menentukan kesan di antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Keputusan analisis Regrasi kajian ini dinyatakan dalam Jadual 1.4 dan 1.5.

Jadual 1.4 : Anova

	Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	.758	4	.190	7.387	.000 ^a
	Residual	2.515	98	.026		
	Total	3.273	102			

Jadual 1.5 : Koefisien

Model	Unstandardized		Standardized	t	Sig.
	Coefficients		Coefficients		
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	3.195	.450		7.107	.000
Pengetahuan	.025	.060	.045	.420	.675
Sikap	.260	.065	.422	3.988	.000
Motivasi	.116	.073	.155	1.604	.112
Modal	-.056	.050	-.106	-1.121	.265

Berdasarkan Jadual 1.5, dapat dilihat bahawa faktor yang memberikan kesan atau pengaruh yang signifikan terhadap kejayaan usahawan PKS MARA di daerah Melaka Tengah adalah faktor Sikap.

KESIMPULAN

Hasil kajian melalui analisis Korelasi dan Regrasi yang telah dibuat menunjukkan bahawa faktor Sikap dan Pengetahuan mempunyai hubungan dengan kejayaan usahawan PKS dan faktor yang mempunyai kesan yang signifikan terhadap kejayaan usahawan PKS adalah faktor Sikap.

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada dapatan kajian ini, usahawan yang ingin berjaya perlulah mencari ilmu pengetahuan dan juga kemahiran terlebih dahulu sebelum memulakan apa jua cabang perniagaan. Pengetahuan mengenai cara menguruskan syarikat, memilih lokasi yang strategik untuk memulakan perniagaan mahupun kemahiran lain mampu diperolehi melalui pengalaman bekerja atau latihan keusahawanan yang banyak dianjurkan oleh pelbagai organisasi termasuk MARA.

Selain daripada itu, seorang usahawan juga perlu mempunyai minat, sikap yang berdikari dan tidak mudah mengalah apabila menghadapi sebarang cabaran dalam dunia perniagaan. Usahawan perlu bijak dalam merancang bagi menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi. Oleh hal yang demikian, diharap usahawan Bumiputera lebih mahir dan fokus dalam mengembangkan perniagaan sedia ada dan boleh bersaing hingga ke peringkat antarabangsa.

RUJUKAN

- Norashidah, H., Norasmah, O., & Noraishah, B. (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 187-203.
- Mohd Nor Hidayad, H. (2011). Faktor Bantuan Kerajaan Yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor. *Tesis Ijazah. Universiti Teknologi Malaysia*.
- Buerah, T., & Hussin, S. (2014). Perubahan Sikap Keusahawanan Usahawan Melayu di Malaysia. *Journal of Sciences and Humanities*. 98-116.
- Abdul Suki, H. (2015). Pengaruh Motivasi Usahawan Terhadap Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana: Pengurusan Strategik dan Faktor Utama Kejayaan Sebagai Pengantara. *Tesis Master. Universiti Malaysia Kelantan*.
- Yazilmiwati, Y., & Ilhaamie, A. (2009). Faktor-Faktor Motivasi Usahawan Muslim Untuk Memulakan Aktiviti Keusahawan: Kajian Sorotan Karya Menurut Perspektif Islam. *Universiti Sains Islam Malaysia*.
- Mohd Rashid, A.B. (2008). Tahap Kesempaan Bantuan Kewangan Dan Kredit Kerajaan (BKKK) Terhadap Prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Bumiputera Di Kedah. *Tesis Master. Universiti Sains Malaysia*.
- Mori, K., Kasim, M., Dullah, M., & Wilson, A. (2009). Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Pinjaman Kewangan di Sabah: Satu Analisis Empirikal. *Prosiding PERKEM IV, Jilid 2*.185-198.
- Azmi, A.M., Nik Hairi, O., & Lee, Y.K. (2012). Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan dalam Perniagaan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 34-35.
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan: *Pelan Induk PKS 2012-2020: Memangkin Pertumbuhan dan Pendapatan*.
- Mohd Shukri, H., Zawiah, D., Khairunnisa, M., & Ishak, Y. (2011). Faktor Keusahawanan dan Prestasi Kejayaan Usahawan Melayu di Pulau Langkawi, Kedah. *Prosiding PERKEM VI, Jilid 2*. 196-207.

*Faktor Yang Mendorong Kejayaan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)
Mara Di Daerah Melaka Tengah
Nurulhayah Muhamad, Muhammad Hafizuddin Abu*

SME Corp Malaysia (2016). *Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPP)
Program Bina Upaya Kerajaan bagi Membantu PKS Malaysia.*

Kementerian Kewangan Malaysia. Bajet 2015. *Strategi Pertama Memperkukuh
Pertumbuhan Ekonomi. (18).*

